

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

DATUK CHUA TEE YONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan menimbangkan kaedah-kaedah lain untuk menggantikan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya, di mana ia menyebabkan kekeliruan dan melambatkan proses pengundian.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan diperkenalkan penggunaan dakwat kekal adalah bagi menangani persepsi bahawa terdapat pengundi yang mengundi dua kali menggunakan kad pengenalan yang berlainan. Dengan tanda yang kekal pada jari, ia menandakan beliau telahpun diberikan kertas undi dan hanya boleh mengundi sekali sahaja.

Walau bagaimanapun, SPR tidak menafikan wujudnya beberapa kesulitan yang dihadapi oleh para pengundi seperti kesesakan yang berlaku di beberapa pusat mengundi kerana pengundi keluar mengundi secara serentak pada waktu pagi.

Sekian. Terima kasih.